



# Produk Durian Belanda



Bina perenggan dengan menggunakan ayat tunggal dan ayat majmuk yang terdapat dalam bahan.

## Jus Durian Belanda

### Ayat tunggal

- Saya suka minum jus durian belanda.
- Jus durian belanda mengandungi vitamin C.

### Ayat majmuk

- Saya suka minum jus durian belanda kerana mengandungi vitamin C.



## Kapsul Daun Durian Belanda

### Ayat tunggal

- Kapsul daun durian belanda boleh mencegah selesema.
- Kapsul daun durian belanda boleh menurunkan asid urik di dalam badan.

### Ayat majmuk

- Kapsul daun durian belanda boleh mencegah selesema dan menurunkan asid urik di dalam badan.



## Teh Herba Durian Belanda

### Ayat tunggal

- Teh herba durian belanda membuang angin di dalam badan.
- Teh herba durian belanda merawat sembelit.

### Ayat majmuk

- Teh herba durian belanda membuang angin di dalam badan dan merawat sembelit.





# Kalau Tidak Dipecahkan Ruyung



Persembahkan cerpen secara kreatif dan berkesan.

## Berkat Kegigihan

Setelah tamat kursus jahitan, aku mula menjahit bajuku sendiri dan baju ibu. Aku juga menerima tempahan baju daripada ahli keluargaku.

“Terima kasih, ibu kerana memberikan dorongan kepada Rita.”

“Ibu hanya memberikan semangat dan nasihat sahaja. Selebihnya usaha Rita sendiri. Ibu kenal anak ibu. Anak ibu memang kuat semangat dan tidak mudah putus asa,” jawab ibu dengan tenang.

Setelah enam bulan aku memantapkan kemahiran jahitanku, aku memberanikan diri menerima tempahan baju daripada orang kampung. Aku meletakkan iklan tempahan baju kurung, baju Melayu, seluar dan kemeja di sekitar pekan dan media sosial. Tidak sampai seminggu selepas itu, aku mula mendapat panggilan telefon daripada pelanggan.

“Hello, ini Cik Ritakah? Saya Joane dari Taman Cahaya. Saya ingin menempah lima helai baju kemeja dan sepasang baju kurung. Bolehkah saya menempah baju ini dengan Cik Rita?”

“Oh, terima kasih Cik Joane kerana ingin menghantar tempahan baju dengan saya! Cik Joane boleh datang ke rumah saya mengikut alamat yang tertera dalam iklan.”

“Ibu, ada pelanggan menelefon ingin menghantar tempahan baju. Rita akan mula mengambil tempahan daripada orang luar selain ahli keluarga kita, ibu.”

“Baguslah, nampaknya iklan Rita berjaya menarik pelanggan. Semoga Rita akan lebih yakin mengambil tempahan selepas ini,” kata ibu penuh semangat.

Kini, aku tahu bahawa untuk berjaya aku haruslah mempunyai kegigihan dan kesungguhan. Ibu juga sering mengingatkan aku supaya tidak mudah putus asa. Walaupun sebelum ini aku tidak mempunyai kemahiran menjahit tetapi dengan berkat usaha gigihku belajar menjahit, aku mampu menjanakan pendapatan sendiri.







# Kemahiran Bermanfaat



Bina ayat menggunakan pola ayat yang betul untuk memberikan respons anda terhadap iklan.

## Kursus Kemahiran Dandanan Rambut

Kursus ini mendedahkan cara:

Mencuci rambut

Menggunting rambut

Mewarna rambut

Mendandan rambut

**Tempoh kursus:** 8 bulan.

**Tempat:** Wisma Muhibah, Petaling Jaya, Selangor.

**Yuran kursus:** RM450.00.

**Syarat-syarat kemasukan:**

- Peserta mestilah berumur 18 tahun ke atas.
- Peserta mempunyai minat yang tinggi dalam bidang dandanan rambut.
- Yakin diri, berani dan berperwatakan menarik.

**Setelah tamat kursus anda berpeluang:**

- Membuka salun rambut.
- Menjadi pendandan rambut profesional.
- Menjadi tenaga pengajar di institusi kemahiran dan vokasional.

**Jangan lepaskan peluang ini**



Berdasarkan suku kata, bina perkataan yang berkaitan dengan sikap seorang usahawan yang berjaya.

kun	jin	gih	jur	si
jak	kin	tif	ra	ni

1. Dalam perniagaan kita mestilah 

j	u			
---	---	--	--	--

 supaya pelanggan sentiasa mempercayai kita.
2. Walaupun pernah gagal dalam perniagaan, kita haruslah 

p	o				
---	---	--	--	--	--

 untuk terus maju.
3. Jika ingin menjadi usahawan yang berjaya kita mesti 

b	e			
---	---	--	--	--

 menanggung risiko.
4. Usahawan yang berjaya ialah usahawan yang 

b	i			
---	---	--	--	--

 mengatur strategi perniagaan.
5. Kita perlulah 

y	a			
---	---	--	--	--

 memperkenalkan produk jualan kita kepada pelanggan untuk mendapatkan kepercayaan mereka.
6. Hasil 

g	i			
---	---	--	--	--

 bekerja, pemilik Syarikat Maju Edaran telah berjaya membuka lima lagi cawangan syarikatnya di Selangor.
7. “Teruslah berusaha dengan 

t	e			
---	---	--	--	--

 demi mencapai kejayaan dalam perniagaan,” kata ayah kepada Syahril.
8. Orang yang 

r	a			
---	---	--	--	--

 pasti berjaya.



# UNIT 23



# BERANI NIAGA



Nyatakan kebaikan pihak sekolah menganjurkan Karnival Usahawan.



## KARNIVAL USAHAWAN AMAL



### Aktiviti menarik:

- Rumah hantu
- Jualan amal
- Cabutan bertuah
- Pertandingan gerai terbersih dan tercantik
- Permainan dan kuiz usahawan
- Pameran Pengguna Bijak
- Bicara bersama usahawan berjaya, iaitu Datuk Aidil bin Bakar

### Murid berpeluang:

- Berniaga
- Menderma
- Memupuk minat menjadi usahawan
- Memenangi cabutan bertuah





Membaca

# Pentingnya Koperasi Sekolah



Aktiviti

Baca dan kenal pasti maklumat dalam bahan, kemudian sampaikan maklumat tersebut kepada rakan.

Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Berhad terletak di Kota Bharu, Kelantan. Keistimewaan koperasi ini ialah hasil jualan runcit melebihi RM1 juta setahun. Koperasi ini tidak mengehendkan jualan kepada peralatan keperluan murid sekolah seperti pen, pensel, pembaris, buku, mahupun perkhidmatan mesin fotostat. Koperasi ini turut menjual pelbagai barangan di samping menyediakan pelbagai perkhidmatan.

Koperasi ini mempunyai kelebihan kerana mempunyai kios di dalam kawasan sekolah. Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Berhad juga membuka dua kios berhampiran dengan jalan utama untuk memberikan peluang kepada masyarakat setempat membeli barangan di

koperasi ini. Antara barangan yang dijual ialah makanan, pakaian dan barangan cenderamata. Perkhidmatan lain yang disediakan ialah perkhidmatan dobi, perkhidmatan telefon prabayar dan perkhidmatan pakej percutian ke luar negara.



كوپراسي سكو له منقه كبتسان كوتا برحد  
KOPERASI SMK KOTA BERHAD



2.3.1 Membaca, memahami dan menyampaikan maklumat daripada pelbagai teks dengan betul dan tepat.















Selain itu, Cikgu Suhaimi bin Sulaiman, guru koperasi sekolah ini memaklumkan bahawa sesebuah koperasi tidak boleh terikat dengan waktu operasi jualan mengikut waktu persekolahan sahaja jika ingin mencatat keuntungan jualan.

Guru koperasi haruslah gigih dan kreatif. Oleh sebab itulah koperasi ini telah berjaya mencatat pendapatan melebihi RM1 juta. Semoga kejayaan koperasi ini memberikan idea dan motivasi kepada koperasi sekolah yang lain.

(Sumber: Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Berhad)

## Kebaikan Koperasi Sekolah

-  Membentuk amalan berjimat cermat dalam kalangan murid.
-  Harga barangan yang lebih murah.
-  Memupuk minat berniaga.
-  Memudahkan murid dan guru membeli barangan keperluan tanpa perlu keluar dari kawasan sekolah sewaktu hari persekolahan.
-  Membentuk sikap bertanggungjawab, amanah dan berani.
-  Memberikan peluang kepada guru atau murid memasarkan barangan mereka.
-  Menggalakkan murid mempraktikkan teknik pengurusan perniagaan sejak di bangku sekolah.
-  Menyediakan pelbagai perkhidmatan seperti dobi dan mesin fotostat.
-  Memberikan kemudahan pinjaman kewangan kepada ahli.
-  Memberikan sumbangan kepada guru atau murid yang kurang bernasib baik melalui program tertentu.



### Eksplorasi Minda

Ahli koperasi akan mendapat keuntungan dalam bentuk dividen dan bonus melalui pembelian barangan di koperasi sekolah. Sejauh manakah pernyataan ini benar?





# Bakat Bawa Untung



1. Baca petikan dengan menggunakan nada, gaya dan intonasi yang betul.
2. Imlak perenggan yang didengar dengan betul.



## Yusof Gajah

Tahukah anda bakat melukis mampu menjanakan pendapatan yang lumayan? Bakat melukis juga telah terbukti mampu meningkatkan taraf ekonomi seseorang. “Suatu ketika dahulu setelah tamat pengajian dalam bidang lukisan, saya pernah melalui zaman tiada pendapatan,” begitulah kata Mohd Yusof bin Ismail.

Beliau seorang pelukis sepenuh masa buku kanak-kanak yang menggunakan imej gajah dalam setiap lukisannya. Buku beliau bertajuk *Tiga Ekor Gajah* merupakan karya yang paling popular dalam kalangan peminat buku cerita kanak-kanak. Hasil karya beliau yang lain ialah *Si Cantik*, *Kawan Bahru*, *Si Bayang-bayang* dan *Gajah Sejati*. Imej gajah digunakan dalam buku cerita bergambar beliau. Hal inilah yang menjadikan beliau terkenal dengan nama Yusof Gajah.

Pada awal pembabitan beliau dalam bidang seni lukisan ini, beliau memegang prinsip, tidak mahu miskin kerana setiap orang mempunyai bakat masing-masing. Berbekalkan bakatnya dalam bidang ini, beliau nekad untuk bergelar pelukis yang boleh membawa pulangan wang. Usaha dan kegigihan beliau membuahkan hasil apabila beliau berjaya membuka galeri seninya sendiri di rumah kediamannya bertempat di Batu Caves, Selangor.

Kini, beliau telah membuka kelas lukisan kepada kanak-kanak dan orang dewasa yang meminati bidang ini. Beliau yakin bahawa ilmu dan bakat mampu menjanakan pendapatan yang lumayan. Beliau juga berhasrat untuk meningkatkan martabat kerjaya pelukis di negara ini.





# Berjimat Sebelum Habis



Lagukan syair di bawah dengan penuh penghayatan, kemudian jelaskan maksud syair tersebut.

## Hidup Sejahtera

Generasi muda tonggak negara,  
Persiapkan diri dengan segera,  
Jika ingin hidup sejahtera,  
Hendaklah pandai berkira-kira.

Mantapkan diri siap siaga,  
Kebebasan ekonomi sangat berharga,  
Fikirkan dahulu keperluan keluarga,  
Sebelum membeli bandingkan harga.

Didiklah anak sedari mula,  
Jadikan menabung amalan berkala,  
Ibu dan bapa jadilah idola,  
Masa hadapan pasti terbela.

Generasi muda hendaklah matang,  
Janganlah asyik menggapai bintang,  
Elakkan diri daripada berhutang,  
Supaya tenang hari mendatang.

Hendaklah berhemat bijak menyimpan,  
Untuk jaminan masa hadapan,  
Pastikan kewangan sentiasa mapan,  
Hidup sejahtera itulah harapan.

Nukilan,  
Salasiah Sabran  
Kuala Lipis.





# Makin Lama Makin Bernilai



1. Baca dan kenal pasti subjek dan predikat dalam petikan.
2. Berbincang dengan rakan anda tentang bahan dengan menggunakan subjek dan predikat yang betul.

Pasar Karat ialah kawasan yang popular dalam kalangan para pengumpul dan peminat barangan lama dan barangan antik di Malaysia. Pasar karat beroperasi setiap hari seawal pukul 5:30 pagi hingga pukul 9:30 pagi. Namun begitu, sejak kebelakangan ini terdapat sesetengah pasar karat yang mula beroperasi pada waktu malam dan hujung minggu. Walaupun beroperasi seawal waktu subuh yang dingin dan berkabus, suasana pasar karat sungguh sibuk. Bukan itu sahaja, suasana berjual beli di pasar karat sangat meriah khususnya pada hari minggu.



5.2.1 Memahami dan menggunakan subjek dan predikat dalam pembentukan ayat dengan betul mengikut konteks.





Terdapat banyak barangan lama dan barangan antik yang dijual di pasar karat. Contohnya, wang lama, jam tangan, lukisan, pakaian dan barangan perhiasan. Barangan ini dijual dengan harga serendah RM5.00 hingga mencecah ribuan ringgit. Pembeli hendaklah meneliti barangan jualan yang hendak dibeli terlebih dahulu. Kebanyakan barangan yang dijual diletakkan di atas meja atau di atas jalan dengan hamparan tikar ataupun kain. Bagi jualan pakaian pula, terdapat sesetengah penjual menggantung pakaian jualan mereka. Namun begitu, terdapat juga pakaian yang dilonggok. Pakaian itu masih cantik dan berjenama.

Kesimpulannya, barangan lama mempunyai nilai yang tersendiri. Barangan lama boleh menjadi sumber pendapatan. Hal ini demikian kerana barangan lama boleh dijual semula dengan harga yang lebih tinggi.

Contoh	
Subjek	Predikat
Pasar Karat	beroperasi seawal pukul 5:30 pagi.



1. Berdasarkan bahan, hasilkan barangan kraf secara kreatif untuk dijual di koperasi bagi mengisi tabung kelab keusahawanan di sekolah anda.
2. Lakukan simulasi jualan barangan kraf anda.



Hai, kawan-kawan! Saya telah menghasilkan robot origami daripada kertas. Saya ingin menjualnya dengan harga RM10. Kawan-kawan boleh menjadikan robot origami ini sebagai koleksi dan hiasan kerana saya menghasilkan empat jenis robot origami yang berbeza watak dan warna.





# UNIT 24



## Menjanakan Pendapatan



Berdasarkan maklumat, hubungi pemilik Hotel Si Manja untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan penjagaan kucing peliharaan anda.

### Hotel Si Manja

Anda akan mengikuti keluarga bercuti ke Pulau Langkawi. Anda terpaksa meninggalkan haiwan peliharaan selama tiga hari. Hubungi Hotel Si Manja untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan mereka bagi penjagaan kucing peliharaan anda.




IMBAS SAYA

Kami menyediakan barangan dan perkhidmatan penjagaan kucing:

- Jagaan siang: RM15.00/hari
- Jagaan malam: RM20.00/hari
- Jagaan harian: RM30.00/hari
- Makanan kucing: RM13.00/hari
- Mandian kucing: RM9.00/sekali



Encik Sani bin Ramli  
015-12345678



1.6.1 Menyatakan permintaan untuk mendapatkan **barangan dan perkhidmatan** dengan menggunakan ayat yang tepat secara bertatasusila.





# Pengurusan Wang Saku



Berdasarkan bahan, nyatakan maksud yang tersurat dan tersirat.

Wang memainkan peranan penting dalam kehidupan kita. Oleh sebab itu, kita hendaklah bijak menguruskannya. Sebagai murid sekolah, kita hendaklah mempunyai buku wang saku. Buku wang saku boleh dijadikan sebagai panduan sebelum kita berbelanja.

Sebagai langkah pertama, catatkan jumlah setiap sumber kewangan yang kita peroleh. Contohnya, wang saku yang diberikan oleh ibu bapa dan ahli keluarga yang lain. Seterusnya, catatkan setiap penggunaan wang yang kita lakukan. Dengan cara ini, kita dapat membezakan jumlah wang yang masuk dan jumlah wang yang keluar.

Selain itu, sebelum membeli sesuatu barangan, pastikan kita telah membuat perancangan perbelanjaan yang berhemat. Kita haruslah bijak membezakan sama ada sesuatu yang ingin kita beli merupakan keperluan atau kehendak. Pembelian barangan yang tidak mengikut perancangan akan menyebabkan kita berbelanja secara boros.

Akhir sekali, kita haruslah mengamalkan tabiat menabung sejak kecil. Pada setiap akhir bulan, catatkan jumlah tabungan yang diperolehi. Hal ini demikian kerana wang tabungan kita boleh digunakan untuk perancangan masa hadapan. Wang simpanan juga dapat digunakan ketika kita mengalami kecemasan. Oleh sebab itu, pengurusan wang sangat penting dalam kehidupan kita. Kita haruslah menggunakan wang dengan bijaknya, bak kata peribahasa beringat sebelum kena, berjimat sebelum habis.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada *Buku Wang Saku*, Bank Negara Malaysia.)






# Destinasi Pilihan Bijak



Berdasarkan bahan, tulis sebuah karangan lengkap.

## Terengganu



Bukit Keluang



Masjid Kristal



Jambatan Angkat

### Pengangkutan

Menaiki kereta sendiri, bas atau kapal terbang bergantung pada bajet kamu.

### Penginapan

Terdapat banyak pilihan hotel, calet dan bilik sewa pada kadar yang rendah.

### Makanan

Banyak pilihan makanan sama ada di restoran, gerai atau hotel. Aneka pilihan makanan laut dan makanan popular pantai timur yang lazat dan murah.



Sotong Celup Tepung

### Lawatan ke tempat menarik

Banyak tempat menarik seperti Masjid Kristal, Pasar Payang, Jambatan Angkat Terengganu, Pantai Batu Buruk, Pantai Bukit Keluang, dan banyak lagi dengan harga yang berpatutan.

3.5.2 Membina perenggan pendahuluan, perenggan isi dan perenggan kesimpulan bagi penulisan karangan dengan betul dan kreatif.





# Usaha Tangga Kejayaan



Berdasarkan gambar dan petikan, hasilkan sebuah sajak.

## Resipi Bonda

Puan Saleha merupakan pemilik Restoran Anjung Selera. Beliau mula menceburi bidang perniagaan makanan sejak 15 tahun yang lalu. Mengimbuai masa lampaunya sewaktu mula berjinak-jinak dengan perniagaan makanan, beliau hanya menjual nasi dan lauk-pauk di tepi jalan di hadapan rumahnya. Berbekalkan keazaman dan kemahuan untuk berjaya, beliau bertekad untuk memajukan perniagaannya.

Masakan yang paling digemari oleh pelanggannya ialah asam pedas ikan pari. Resipi diperoleh daripada arwah ibunya yang juga seorang peniaga makanan kecil-kecilan pada suatu masa dahulu. Resipi warisan itu menjadi kebanggaan keluarga mereka.



4.3.1 Menghasilkan penulisan pantun dan sajak dengan betul dan kreatif.





Demi mencapai cita-cita, Puan Saleha sentiasa menyimpan hasil keuntungannya untuk membuka sebuah restoran. Berkat kesabaran dan kegigihan, akhirnya beliau berjaya membuka sebuah restoran dengan wang simpanan. Puan Saleha bersyukur kerana semua pahit getir dan titisan keringat selama ini telah terbalas. Kini, restoran beliau megah berdiri dan mempunyai ramai pengunjung. Pendapatan beliau mencecah puluhan ribu ringgit sebulan. Beliau juga telah membuka cawangan kedua restorannya. Beliau percaya bahawa setiap usaha pasti akan membawa kejayaan.







# Si Merah Lumayan



Kenal pasti dan betulkan kesalahan perkataan dalam ayat.

1



Encik Keong membuka banyak ladang-ladang strawberi di Cameron Highlands. Encik Keong mendapatkan kerja sama daripada Jabatan Pertanian Cameron Highlands untuk memastikan ladang strawberi beliau bebas daripada serangga perosak.

2



Baja kompos daripada sisa kelapa sawit dan sabut kelapa dipergunakan untuk menyuburkan pokok strawberi yang telah ditanam.

3



Pokok strawberi hendaklah disimbah setiap hari untuk mengekalkan kesuburannya.

4



Pokok strawberi mengeluarkan buah dalam jarak 50 hingga 60 hari selepas ditanam.

5



Buah strawberi akan masak dan berwarna merah kemerahan dalam tempoh dua minggu selepas berbuah.

6



Pelbagai produk boleh terhasil daripada buah strawberi.

7

Encik Keong mencatat keuntungan sehingga RM30,000.00 sebulan hasil jualan produk strawberi.





Bincangkan anggaran perbelanjaan untuk mengadakan sebuah majlis.

Kelas anda merancang untuk mengadakan jamuan akhir tahun. Anggaran perbelanjaan majlis tersebut ialah RM200.00. Pastikan anda mengamalkan perbelanjaan berhemat dan dapat melaksanakan majlis tersebut dengan jayanya.

### Anggaran perbelanjaan

- |   |                              |
|---|------------------------------|
| • Makanan dan minuman:                        | RM5.00 X 24 orang : RM120.00 |
| • Hiasan (belon, meja berhias dan lain-lain): | RM25.00                      |
| • Peralatan (pinggan, cawan dan sudu):        | RM10.00                      |
| • Cenderamata atau hadiah:                    | RM30.00                      |
| • Runcit:                                     | RM15.00                      |

**Jumlah:** **RM200.00**





Berdasarkan bahan, bina karangan untuk menjelaskan tindakan yang perlu anda lakukan bagi menjimatkan perbelanjaan di rumah.



Penjimatan air



Penjimatan elektrik



Elakkan pembaziran makanan





## SUKAN DAN REKREASI

- Nyatakan jenis sukan yang anda tahu.
- Bagaimanakah cara terbaik untuk menggalakkan masyarakat bersukan?
- Apakah kebaikan aktiviti rekreasi kepada kita?



Dengar rakaman audio, kemudian sebut perkataan, istilah dan rangkai kata dengan betul.



## Pencapaian Norliyana binti Kamaruddin

**Tahun 2019**

**Emas**

Sukan Institut Pengajian Tinggi (SUKIP)

**Emas**

Kejohanan Heptathlon Terbuka Thailand

**Tahun 2018**

**Gangsa**

Asian Games Indonesia 2018

**Emas**

Vietnam Open Athletic 2018

**Emas**

Sukan Institut Pengajian Tinggi (SUKIP)

**Emas**

Sukan Universiti Malaysia (MASUM)

## Menuju Puncak

Syafiq: Kawan-kawan, cuba lihat gambar ini. Siapakah beliau?

Kumaresan: Saya minta maaf, Syafiq. Siapakah tokoh sukan ini?

Syafiq: Beliau seorang atlet **heptathlon** Malaysia. Nama beliau ialah Norliyana binti Kamaruddin. Beliau berasal dari Palong Tujuh, Gemas, Negeri Sembilan.

Meng Kwan: Wah, hebatnya! Kita perlu **bangga** melihat kejayaannya dalam sukan heptathlon pada peringkat **antarabangsa**. Beliau pasti mempunyai **semangat juang** dan tidak pernah kenal **putus asa**.

Kumaresan: Bolehkah awak ceritakan sedikit kejayaan Norliyana ini kepada kami?

Syafiq: Oh, boleh! Beliau telah **mengharumkan nama** Malaysia pada peringkat Asia dan Asean. Banyak **anugerah** yang telah diterimanya.

Meng Kwan: Wah, teruja saya mendengarnya!

Syafiq: Awak tahu tak, beliau masih belajar di Universiti Putra Malaysia. Walaupun masih bergelar **mahasiswa** tetapi beliau boleh berjaya dalam bidang sukan.

Kumaresan: Wah, hebatnya! Saya percaya beliau akan terus melangkah **menuju kejayaan** dalam bidang akademik dan sukan.

Syafiq: Ya, saya yakin beliau akan menjadi **olahragawati negara** suatu hari nanti.



### Info Bestari

**Heptathlon** ialah pertandingan tujuh acara sukan khusus untuk wanita. Acara tersebut ialah 100m lari berpagar, lontar peluru, lompat tinggi, lumba lari 200m, 800m, lompat jauh dan merejam lembing.





# Hari Sukan Negara



1. Baca petikan dengan menggunakan teknik ACID.
2. Berpandukan petikan, hasilkan grafik tentang cara-cara untuk menggalakkan murid terlibat dalam aktiviti sukan.



## Objektif Hari Sukan Negara



Menerapkan budaya sukan dalam kalangan rakyat



Memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat



Pembangunan ekonomi negara melalui pembangunan industri sukan



Meningkatkan pengetahuan sukan dalam kalangan rakyat



Mengiktiraf aktiviti pembangunan sukan pada peringkat akar umbi

Sambutan Hari Sukan Negara bertujuan untuk menjadikan sukan sebagai budaya hidup. Pelbagai aktiviti sukan dan riadah perlu diadakan bagi membina asas ke arah negara bersukan sebagai satu gaya hidup sihat.

Aktiviti ini dilaksanakan selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan, iaitu ingin melahirkan modal insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial.

Seseorang murid wajib menyertai aktiviti sukan untuk menyeimbangi tahap sosial mereka dalam usaha melengkapkan diri ke alam kehidupan yang mencabar.



# Menggapai Impian



Berdasarkan gambar, hasilkan perenggan karangan yang mengandungi ayat tunggal dan ayat majmuk dengan betul.

Encik Sukri terkenal akan kejayaannya dalam bidang olahraga yang diceburinya satu ketika dahulu. Beliau kini telah berjaya menjadi seorang jurulatih olahraga negara. Kenangan itu masih segar dalam ingatan beliau.

**1**

Minat bermula sejak kecil dan mendapat dorongan keluarga.



3.3.3 Membina perenggan yang terdiri daripada ayat tunggal dan ayat majmuk dengan betul.



3

Kejayaan dalam kejohanan peringkat kebangsaan

2

Mula mewakili sekolah dalam kejohanan sukan tahunan peringkat daerah dan negeri.

4

Kejayaan yang mengharumkan nama keluarga dan negara.





# Wirawatiku



Baca dan fahami cerpen dengan menggunakan teknik teater pembaca.



Pagi itu, semangat Sabrina sangat luar biasa. Malam tadi ketika tidur dia bermimpi dapat bertemu dengan seorang jaguh renang 100 meter tanah air. Masih terngiang-ngiang di telinganya pesanan jaguh itu. Katanya, kamulah wirawati negara. Kamu perlu menang dalam pertandingan esok. Kamu mesti menang.

Apabila terjaga, Sabrina berasa mimpi malam tadi telah mengganggu dirinya. Wajah orang yang hadir dalam mimpinya masih jelas terbayang.

“Sabrina, Sabrina ..., cepat sarapan. Sabrina perlu ke stadium renang sekejap lagi,” suara ibunya jelas kedengaran dari ruang dapur.

“Baik, emak. Saya datang sekarang,” jawab Sabrina.

“Emak, malam tadi saya bermimpi. Saya ...” Sabrina tidak dapat menyudahkan kata-katanya.

“Mengapakah Sabrina berkata begitu? Jangan takut. Emak yakin, Sabrina akan berjaya,” nasihat ibunya.

Sabrina berasa serba salah. Dia ketakutan. Ketakutan pertama, sama ada dia boleh berjaya atau tidak dalam pertandingan renang yang akan disertainya. Kedua, dia takut untuk berterus-terang kepada emaknya tentang mimpinya malam tadi.

“Baiklah emak, saya pasti berjaya.”

Ketika Sabrina sampai di stadium, suasananya sangat meriah. Hati Sabrina kian berdebar-debar. Acara 100 meter gaya kupu-kupu akan bermula sebentar lagi. Akhirnya, saat yang dinanti-nantikan pun tiba. Sabrina sudah berdiri di lorong bernombor tiga. Degupan jantung Sabrina kian kencang. Dia tenang menunggu bunyi tembakan pistol. Sebaik bunyi pistol kedengaran, Sabrina memulakan renangan dengan pantas. Jeritan dan sorakan penonton menyebut nama Sabrina dari tempat duduk penonton jelas kedengaran. Sabrina berenang dengan penuh tenaga hingga berjaya menjadi orang yang pertama sampai ke garisan penamat.

Suasana dalam stadium renang kian gamat dengan jeritan. Sabrina melambai-lambaikan tangannya tanda terima kasih kepada penonton.





# Semangat Juara



Kenal pasti jenis ayat yang terdapat dalam bahan. Kemudian, bina pelbagai jenis ayat mengikut jenis berdasarkan situasi.

## Sukan Komuniti Daerah Serdang

Anjuran: Persatuan Penduduk Serdang

Jom, sertai  
kejuhuan  
bola tampar!

### Di manakah hendak mendaftar?

Di Pusat Sukan dan  
Rekreasi Taman Sri Rokan

### Bilakah tarikhnya?

10 Oktober 20□□

### Pukul berapakah acara bermula?

7:30 pagi hingga 11:00 pagi



**Tiga hadiah lumayan disediakan**  
**Sila hubungi urus setia kejuhuan:**  
Encik Amir bin Hamzah 015-9876543  
Encik Ah Meng: 015-12345678  
Encik Murugan: 015-12341234

### Peringatan:

- Dilarang membawa kanak-kanak berusia tujuh tahun ke bawah.
- Pastikan anda sihat dan cergas.

Aktiviti sukan penting kepada kesihatan kita. Sukan dapat mengeratkan perpaduan antara kaum.



Bina ayat majmuk berdasarkan bahan.



**Gasing Melayu**




**Congkak**

**Permainan tradisional masyarakat Melayu**




**Yo-yo Cina**



**Xiang Qi**

**Permainan tradisional masyarakat Cina**



**Aadu Puli Aatam**



**Chaturanga**

**Permainan tradisional masyarakat India**





# Atlet Sihat



Teliti bahan yang dipaparkan. Kemudian, bersoal jawab dengan rakan anda dengan menggunakan sebutan dan intonasi yang sesuai secara bertatasusila.

## Disiplin Atlet

Khairul Irfan melihat poster gaya hidup sihat yang dipaparkan dalam sebuah majalah sukan. Dia membawa poster tersebut ke sekolah untuk berbincang dengan rakan-rakannya tentang cara menjadi ahli sukan yang sihat dan berjaya.



1.3.2 Bersoal jawab tentang sesuatu perkara dengan menggunakan perkataan, ungkapan dan sebutan yang betul serta intonasi yang sesuai secara bertatasusila.



# Peluncur Ombak



1. Baca dan kenal pasti maklumat dengan menggunakan teknik SQ4R.
2. Kongsikan maklumat yang diperolehi dengan rakan.

Selama ini, kita tahu bahawa sukan luncur ombak sangat sinonim dengan negara Barat. Di Malaysia, kita jarang-jarang sekali didedahkan atau mendengar tentang kehebatan dan keseronokan sukan luncur ombak ini.

Kebanyakan rakyat Malaysia menganggap bahawa sukan luncur ombak ini berbahaya dan mereka tidak berani untuk mencubanya. Sejak kebelakangan ini, sukan luncur ombak telah mula digemari dan menjadi tumpuan. Sukan luncur ombak ini diadakan pada musim tengkujuh kerana pada waktu itu tidak sesuai untuk mandi-manda dan melakukan aktiviti air yang lain.

Malaysia pernah menjadi penganjur sukan luncur ombak ini, antaranya termasuklah Terengganu Quicksilver Best Event Surf Contest 2011, Billabong Cherating Pro 2011 Malaysia dan Renextop Asian Surfing Tour (RAST), Cherating 2018.

Sukan ini diminati kerana peluncur akan menikmati keseronokan apabila berjaya melakukan pelbagai formasi luncuran di atas permukaan air.

Acara sukan luncur ombak ini dengan rasminya bakal dipertandingkan di Sukan SEA 2019 di Filipina dan Sukan Olimpik 2020 di Tokyo.



## Ekplorasi Minda

Nyatakan tempat meluncur ombak di Malaysia yang anda tahu?


- 2.3.1 Membaca, memahami dan menyampaikan maklumat daripada pelbagai teks dengan betul dan tepat.





## Jenis-jenis Papan Luncur

Secara umumnya papan luncur terbahagi kepada dua jenis, iaitu papan panjang (*long board*) dan papan pendek (*short board*). Papan yang mempunyai ukuran 6 kaki hingga 7.6 kaki dikategorikan sebagai papan pendek manakala papan luncur yang berukuran 8 kaki hingga 9 kaki dikenali sebagai papan panjang. Spesifikasi ini adalah untuk menyesuaikan ketinggian dan berat badan seseorang peluncur itu.



Setiap lapangan luncur mempunyai karakter ombak yang berbeza serta memberikan pengalaman yang berbeza. Berada di atas permukaan air merupakan saat yang paling mengujakan.

**Neezam bin Azeez**  
Peluncur Ombak





# Ping Pong



1. Baca dan fahami petikan.
2. Salin semula perkataan dan frasa dengan tepatnya.

Sukan ping pong merupakan sukan yang sangat popular dalam kalangan masyarakat Barat dan Timur. Sukan ini turut dikenali dengan nama tenis meja. Pada hari ini, sukan ping pong menjadi salah satu sukan utama dalam kejohanan sukan Olimpik.

Sukan ping pong ini boleh dimainkan secara perseorangan atau beregu dengan menggunakan raket kayu yang dikenali sebagai bet. Meja ping pong berbentuk empat segi tepat, berukuran 2.74 meter panjang dan 1.56 meter lebar. Permainan ini memerlukan permukaan meja yang keras bagi membolehkan bola ping pong yang diperbuat daripada seluloid atau bahan plastik melantun. Di tengah-tengah meja pula perlu diletakkan jaring setinggi 15 sentimeter. Ketika permainan berlangsung, pemain perlu membenarkan bola melantun hanya sekali sahaja dalam kawasan sendiri sebelum dapat memukul bola tersebut ke kawasan pihak lawan. Mata pula akan dikira apabila pemain lawan gagal mengembalikan bola mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Di Malaysia dan juga pada peringkat dunia, kedudukan sukan ping pong ini semakin kukuh dan terus berkembang. Kemuncak daripada perkembangan sukan ini ialah apabila diterima dan diiktiraf sebagai salah satu acara dalam Sukan Olimpik di Seoul pada tahun 1988.

Bermula tahun 1990, Malaysia telah menghantar beberapa pemain muda ke luar negara seperti ke Jepun dan Korea Selatan untuk mendapat latihan intensif yang lengkap. Persatuan Ping Pong Malaysia berhasrat mencari bakat baharu yang terdiri daripada pelbagai kaum untuk menganggotai persatuan ini seterusnya mengharumkan nama negara.

(Sumber: Diubah suai daripada buku *Ping Pong: Siri Aktiviti Meniti Kejayaan*, UP&D, 2006)

## 3.2.1 Mengimlak perkataan dan frasa yang dibacakan dengan tepat.






# Riadah Kreatif



Berdasarkan bahan, lengkapkan rangkap pantun bertemakan kesihatan dengan betulnya dan kreatifnya.



Tajuk: **Utamakan Riadah**

Pagi-pagi pergi ke taman,  
Melihat harum bunga kemboja;

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_;

Hidup sihat amalan mulia,  
Menjadi idaman sepanjang hayat.

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_;  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

Nama: \_\_\_\_\_.

Tarikh: \_\_\_\_\_.



4.3.1 Menghasilkan penulisan **pantun** dan sajak dengan betul dan kreatif.






# Sukan Lasak



1. Baca teks dengan telitinya.
2. Kenal pasti dan betulkan kesalahan perkataan yang terdapat dalam ayat.



Sukan lasak merupakan sukan yang kian popular dalam kalangan remaja hari ini. Antara jenis sukan lasak yang digemari oleh rakyat Malaysia termasuklah rakit merah jeram, kayak, denai kembara dan papan selaju.

Banyak baik yang boleh didapati daripada menyertai sukan ini. Antara kebajikannya ialah kita akan menjadi lebih kuat dan cergas, mampu pupuk semangat kerjasama dalam kumpulan serta dapat menguji kesabaran seseorang.

Ketika menjalani aktiviti sukan lasak, pelbagai cabaran akan ditempuh. Oleh sebab itu, seseorang itu perlu mempunyai mental dan fizikal yang kuat untuk mencapai matlamat aktiviti yang dijalankan.

Aktiviti sukan lasak ini juga mampu menyemai semangat pimpin, kesetiaan dan toleransi. Bakal pemimpin negara khususnya jenerasi muda perlu mempunyai sifat berani menghadapi cabaran dalam usaha memajukan diri sendiri.

Galakan perlu berikan kepada generasi muda agar membabitkan diri dalam aktiviti sukan lasak ini.




5.3.1 Menganalisis dan membetulkan pelbagai kesalahan perkataan dalam ayat dengan tepat.





1. Kenal pasti perkataan yang merujuk kepada maksud gaya hidup sukan dan riadah.
2. Bina ayat daripada perkataan tersebut.

## Kata Bersilang



### Panduan

- Sukan dapat memupuk semangat \_\_\_\_\_.
- Badan sihat otak \_\_\_\_\_.
- Seerti perkataan juara.
- Lawan perkataan sakit.
- Badang seorang yang \_\_\_\_\_.
- Perasaan berasa hebat setelah menang.



Hasilkan satu model diorama taman rekreasi sukan yang menarik dengan menggunakan bahan terbuang.

Sekolah anda sedang menganjurkan satu pertandingan membuat model taman rekreasi sukan. Kelas anda bercadang ingin menyertai pertandingan tersebut.

### **Antara bahan yang diperlukan:**

1. Batang aiskrim
2. Lidi penyapu
3. Kotak
4. Surat khabar lama
5. Botol plastik
6. Gam
7. Gunting
8. Tali



#### **Info Bestari**

**Diorama** ialah model berbentuk tiga dimensi yang digubah dalam bentuk sebenar tetapi bersaiz kecil.





Ceritakan pengalaman anda tentang tempat menarik yang pernah anda kunjungi.

## Wah, indahnyaa!

Seorang wartawan daripada sebuah akhbar tempatan telah menemu bual seorang pengunjung Taman Negara Legenda Gunung Ledang.

Wartawan: Selamat datang ke Taman Legenda Gunung Ledang. Bolehkah cik perkenalkan diri?

Mei Ling: Nama saya Mei Ling.

Wartawan: Bolehkah cik beritahu saya tentang keunikan tempat ini?

Mei Ling: Taman Legenda ini sangat menarik. Kawasan yang terletak di kaki Gunung Ledang ini udaranya dingin dan mempunyai pemandangan alam hijau yang memukau.

Wartawan: Apakah kemudahan disediakan di tempat ini?


Mei Ling: Kemudahan yang disediakan seperti pondok rehat, tapak perkhemahan, kedai makan, tandas dan calet yang sangat memuaskan. Harganya juga berpatutan.

Wartawan: Apakah maklumat lain yang boleh dikongsikan?

Mei Ling: Taman ini juga mempunyai kawasan mandi-manda yang selamat. Malah, air terjun yang ada pun tidak berbahaya kepada pengunjung.

Wartawan: Terima kasih, Mei Ling atas perkongsian pengalaman ini.

Mei Ling: Sama-sama.






# Gahnya Tanah Airku



Baca dan fahami bahan yang disediakan. Kemudian, jawab soalan yang disediakan.



Tanggapan Malaysia sebagai syurga pelancongan oleh masyarakat antarabangsa bukanlah sesuatu yang menghairankan. Keindahan alam serta suasana rakyatnya yang hidup dalam keadaan harmoni menyebabkan orang luar tertarik untuk datang ke Malaysia. Industri pelancongan merupakan salah satu daripada sektor yang menjadi penyumbang kepada hasil pendapatan negara.

Meskipun keadaan ekonomi serantau kurang memberangsangkan, tetapi jumlah pelancong yang melawat Malaysia dijangka terus meningkat setiap tahun. Peningkatan ini disebabkan oleh keunikan masyarakatnya yang memiliki pelbagai budaya dan adat resam.

Pada ketika ini, kerajaan Malaysia mula meningkatkan usaha memajukan industri tersebut. Usaha bersungguh-sungguh telah dilakukan bagi memajukan industri pelancongan di tanah air kita. Langkah utama ialah pihak kerajaan telah memperbanyak dan memajukan tempat pelancongan di negara ini. Tempat-tempat menarik seperti kawasan bersejarah turut dipromosikan kepada masyarakat luar.

Perkara kedua adalah dengan menyediakan kemudahan bertaraf empat bintang di kawasan pelancongan. Langkah ini menyebabkan pelancong berasa selesa, selamat dan berpuas hati.

## Jawab soalan yang berikut:

### Soalan isi tersurat:

1. Nyatakan faktor yang menyebabkan pelancong suka datang ke Malaysia.
2. Jelaskan usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk menarik minat pelancong bercuti di Malaysia.

### Soalan isi tersirat:

1. Apakah maksud "Malaysia Syurga Pelancongan"?
2. Mengapakah industri pelancongan penting kepada negara kita?

2.2.2 Membaca dan memahami ayat serta perenggan dengan memberikan maksud yang tersurat dan tersirat dengan betul dan tepat.





# Berkongsi Cerita



Berdasarkan gambar, tulis satu surat kiriman tidak rasmi.

## Aktiviti Rekreasi Sekolah

Anda telah menyertai aktiviti perkhemahan tahunan sekolah. Tulis surat kiriman tidak rasmi kepada rakan anda untuk menceritakan tentang aktiviti tersebut.



3.5.3 Membina penulisan karangan lengkap dengan betul dan kreatif.





# Memori Kembara




Berdasarkan bahan, hasilkan catatan anda berkaitan dengan aktiviti rekreasi dengan betul dan kreatif.

**7:00 pagi**  
Persediaan dan bertolak dari rumah ke Bukit Setia Alam.


Tajuk: \_\_\_\_\_  
Hari: \_\_\_\_\_  
Tarikh: \_\_\_\_\_  
Tempat: \_\_\_\_\_

**8:00 pagi**  
Berkumpul dengan pasukan pendaki untuk mendapatkan maklumat keselamatan.







**8:30 pagi**  
Menentukan laluan  
pendakian.



**8:45 pagi**  
Memulakan  
pendakian.



**10:00 pagi**  
Tiba di puncak  
Bukit Setia Alam.  
Melihat pemandangan  
dan keindahan alam.



**12:00 tengah hari**  
Perjalanan turun  
dan pulang.





# Berakit-rakit ke Hulu, Berenang-renang ke Tepian



Kenal pasti dan betulkan kesalahan perkataan yang terdapat dalam bahan.

Setiap orang mempunyai kenangan yang sukar dilupakan. Begitu juga dengan saya. Saya mempunyai kenangan yang sangat keindahan. Kenangan itu adalah ketika saya dan rakan-rakan menyertai satu aktiviti berakit di Sungai Kampar, Perak. Kawasan ini ialah kawasan rekreasi air yang sangat dicabar dan jauh daripada kesibukan kota raya.

Pengalaman menaiki rakit yang membawa arus deras sangat menyeronokkan. Ketika rakit meluncur di celah-celah batu, saya dan rakan sentiasa berhati-hati supaya kami selamat.

Air sungainya yang jernih, dingin dan deras itu sangat menguja rasa saya. Kawasan jeram yang cantik keliling pokok-pokok dan bunga hutan liar yang segar benar-benar memukau pandangan mata. Di situ juga terdapat air terjun yang menyelamatkan untuk mandi-manda.

Bergembira kami itu sempat saya rakam dalam gambar untuk dikongsikan dengan keluarga. Inilah kenangan indah diri saya yang sukar untuk dilupakan.



5.3.2 Menganalisis dan membetulkan pelbagai kesalahan dalam ayat dengan tepat.





1. Lengkapkan bandingan semacam.
2. Tulis sebuah cerpen tentang haiwan dengan menggunakan bandingan semacam yang sesuai.

sombong

tinggi

berat

rajin

takut

sibuk

berani

besar

macam

merak

zirafah

batu

semut

tikus

lebah

harimau

gajah





Hasilkan satu skrip dialog antara anda dengan rakan berkaitan rancangan percutian.

Gua Kelam, Perlis



Masjid Kristal, Terengganu



Kota Sultan Ismail Petra, Kelantan



Dataran Lang, Kedah



Cameron Highlands, Pahang



Pusat Penyelidikan Jurasik, Pulau Pinang



Menara Condong, Perak



Muar, Johor



Batu Caves, Selangor



Ulu Bendul, Negeri Sembilan



A Famosa, Melaka





## Merancang Percutian

- Merancang tarikh percutian.
- Mengenal pasti tempat percutian.
- Percutian yang sesuai dengan bajet.
- Keselamatan dan keperluan.
- Persiapan keperluan diri.



Kuching, Sarawak

Desa Dairy Farm, Sabah

# Senarai Rujukan

- Abdullah Hussain, 2016. *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2008. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar Md Sabil, Shamsudin Othman dan Wan Norlidza Wan Mohd Zain, 2018. *Bahasa Malaysia Kelas Peralihan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziah Tajudin dan Mohd Fadzi Tajuid, 2008. *Kamus Pelajar Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizul Rahman Abdul Rahman, 2016. *Ungkapan Indah Untuk Penulisan*. Selangor: Ilmu Bakti.
- James Ang Jit Eng, 2013. *Pengurusan Aktiviti Luar Sekolah: Panduan Pengurusan Aktiviti di Luar Sekolah*. Selangor: PTS Akademia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015, *Pedagogi Bahasa Melayu Abad ke-21*. Putrajaya: Bahagian Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013, *Pentaksiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi*. Kuala Lumpur: Lembaga Peperiksaan Malaysia.
- Mazlan Ismail, 2016. *Pengajaran Bahasa Melayu Didik Hibur dan Seni Bahasa*: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Zainudin Haji Abdullah dan Mohd Shahrim Senik, 2008. *Senjata Warisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Sahidan (peny.), 2017. *Koleksi Cerita Rakyat Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Munirah Onn, "TITABOS Bantu Pilih Buku" dalam *Dewan Kosmik*, Ogos 2018.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, Abdul Hamid Mahmood, Muhammaed Salehudin Aman, dan Abdul Ghalib Yunus, 2016. *Tatabahasa Dewan Edisi Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa dan Abdul Hamid Mahmood, 2015, *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, dan Abdul Hamid Mahmood, 2008. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsul Anuar Nasarah dan Ahmad Shahar Nasarah, 2015. *Siri Panduan Permainan Tradisional Kanak-kanak*, Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



**Portal Rasmi:**

[www.mosti.gov.my](http://www.mosti.gov.my)

[www.motac.gov.my](http://www.motac.gov.my)

[www.dbp.gov.my](http://www.dbp.gov.my)

[www.utusan.com](http://www.utusan.com)

[www.upm.com](http://www.upm.com)

<https://heritage.gov.my>

<http://my.theasianparent.com/tips-keselamatan-di-pantai>

<http://www.karangkraf.com/famili/5-lokasi-berkelah-anak-perlu-diawasi>

<http://www.utusan.com.my/berita/nahas-bencana/arus-karau-datang-sekelip-mata>

[hamdenbaker.blogspot.com/2012/12/keselamatan-di-kawasan-sekolah.html](http://hamdenbaker.blogspot.com/2012/12/keselamatan-di-kawasan-sekolah.html)

<http://www.perpaduan.gov.my>

[ict-sksb.blogspot.com/2009/12/keselamatan-makmal-komputer-sekolah.html](http://ict-sksb.blogspot.com/2009/12/keselamatan-makmal-komputer-sekolah.html)

[ict-smkkjengal.blogspot.com/p/keselamatan-di-kawasan-sekolah.html](http://ict-smkkjengal.blogspot.com/p/keselamatan-di-kawasan-sekolah.html)

<http://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/02/5316901/perpaduan-kaum-penting-untuk-malaysia-jadi-negara-maju-tpm>

<http://www.penang.traveltps.com/bm/malaysia/pulau-pinang/pusatpenyelidikan.jurassik.html>

# Glosari

*aeroangkasa* atmosfera bumi dan ruang yang melampauinya

*alkali* bahan kimia yang meneutralkan asid untuk membentuk garam dan boleh menukarkan kertas litmus merah menjadi biru

*angklung* alat bunyi-bunyian yang dibuat daripada buluh

*astronomi* ilmu falak (pengetahuan tentang bintang-bintang yang melibatkan kajian tentang kedudukan, pergerakan dan perkiraan serta tafsiran yang berkaitan dengan bintang)

*batik* kain yang beraneka warna coraknya yang dibuat dengan cara-cara tertentu seperti dicap atau ditulis

*biola* alat muzik bertali empat yang diletakkan di bahu serta dikepit dengan dagu dan digesek untuk membunyikannya  
*biologi* sains yang berkaitan dengan struktur, fungsi, perkembangan, taburan dan proses hidup pada benda hidup atau komentar dalam ruang siber

*cakerawala* seluruh bintang dan planet di langit termasuk bulan, matahari dan bintang

*dehidrasi* keadaan kehilangan atau kekurangan cairan tubuh yang berlebihan

*diod* peranti semikonduktor yang membolehkan aliran arus satu arah sahaja dan banyak digunakan dalam litar elektronik sebagai penerus atau pemangkas

*eksplorasi* penjelajahan ke lapangan untuk memperoleh sesuatu

*etnik* sekelompok manusia yang mengamalkan budaya yang hampir seragam

*fauna* keseluruhan haiwan yang hidup di dalam habitatnya

*flora* keseluruhan tumbuh-tumbuhan yang hidup dalam habitatnya

*formula* satu ringkasan yang dilambangkan oleh huruf, tanda dan lain-lain untuk menyatakan sesuatu hukum atau rumus

*geologi* sains tentang asal usul, sejarah, struktur dan komposisi bumi  
*gong* alat bunyi-bunyian daripada logam yang dibunyikan dengan dipalu

*hulu* tempat memegang pada sesuatu alat memotong

*identiti* aspek-aspek tertentu yang dapat menunjukkan sifat diri seseorang; keperibadian

*inovasi* sesuatu yang baru diperkenalkan seperti kaedah, sistem, adat dan lain-lain

*instrumen* alat, perkakas (muzik, pertukangan dan lain-lain)

*interaktif* saling bertindak, berhubung

*jubin* kepingan bahan tahan lasak seperti seramik, batu, logam atau kaca yang diproses yang umumnya digunakan untuk menutup lantai, dinding, pancuran dan sebagainya

*kabus* wap air seperti asap yang berada di muka bumi, biasanya pada waktu pagi



*karau* berkacau, bercampur baur  
*kejang kaku* (anggota dan lain-lain)

*kompos* bahan organik yang telah terurai dan dikitar semula sebagai baja  
*kreatif* mempunyai daya atau kemampuan untuk mencipta  
*kuini* sejenis mangga yang harum baunya

*landskap* pemandangan yang dihasilkan daripada keadaan semula jadi atau hasil binaan  
*lestari* tetap seperti sedia kala, tidak berubah, kekal

*luncur* pergerakan di atas permukaan air dengan menggunakan papan

*mengkuang* nama tumbuh-tumbuhan jenis pandan yang daunnya berduri dan dapat  
dibuat tikar

*merarau* makan tengah hari

*nira* air yang disadap dari mayang kelapa atau enau

*nuklear* sejenis bahan kimia yang berkaitan dengan bahan atom organik bahan yang  
di dalamnya terdapat unsur karbon

*radiasi* tenaga yang bergerak dalam gelombang atau partikel dengan kecepatan  
yang tinggi

*radiologi* cabang ilmu perubatan yang melibatkan penggunaan unsur (tenaga) radio aktif  
dalam pemeriksaan dan perawatan sesuatu penyakit

*rebana* sejenis gendang yang sebelah sahaja dipasang kulit

*sawan* penyakit yang datang dengan tiba-tiba menyebabkan anggota badan menjadi  
kaku, kejang, mulut berbuih dan lain-lain

*sensor* alat yang dapat mengesan perubahan sinar cahaya, haba, tekanan dan sebagainya

*soket* lubang pada sesuatu bahagian alat elektrik atau bahagian tubuh tempat  
melekat sesuatu

# Indeks

- antik 186
- arahan 27
- ayat majmuk 44, 53, 127
- ayat tunggal 53, 127
  
- bahan grafik 31, 134
- bandingan semacam 45, 104, 135, 138, 219
- berkongsi maklumat 57
- bina ayat 40, 45, 47
- buletin 129
  
- catatan 127
- ceramah 131, 140
- cergas 2, 7, 8, 24
- cerita pendek 64
- cerita rakyat 88
- cerpen 18, 30, 178
  
- destinasi 191
  
- elektrik 196
  
- frasa nama 89, 144, 145
- frasa adjektif 89, 145
- frasa kerja 96, 144
- frasa sendi nama 89, 145
  
- glosari 42, 52
  
- harmoni 100
  
- institusi 179
- isi tempat kosong 56, 138
  
- jenis ayat 105
  
- kamus 42, 52
- kata nama 7
- kata adjektif 38, 46, 52, 55
- kata ganti nama 14, 136, 137
- kata kerja 22, 31
- kata sendi 62, 63
- khazanah 153
- kiosk 182
- koperasi 182
- kraf tangan 80
  
- lirik 108, 109
  
- main peranan 139
- maksud tersirat 116, 214
- maksud tersurat 58
- melakonkan perbualan 124
- media sosial 131
- mekanis 2, 101, 110
- melengkapkan ayat 62
- melengkapkan pantun 61
- mencatat tindakan 60
- menganalisis teks 129
- menggantikan huruf 47
- mengimlak 29, 160, 168
- mesra alam 160
  
- novel 37



pantun 6, 28, 61, 209  
pengumuman 57, 107  
peribahasa 54, 56  
produk 176, 177, 194

rangkai kata 42, 52  
rekreasi 215, 216  
resipi 192

sajak 128, 154  
seimbang 2, 8, 9, 13, 16  
sinonim 164  
syair 10, 34, 185

teka silang kata 130  
teknologi hijau 149  
teknik 5W1H 58  
teknik ACID 199  
teknik CHATT 152  
teknik KWLH 75  
teknik QUACK 132, 133  
teknik SQ4R 206  
teknik *Stay and Stray* 155  
terarium 150

ucapan bertatasusila 74  
usahawan 180

# Cadangan Jawapan

## Tema 1: Kesihatan dan Kebersihan

Halaman 7

**Lengkapkan tempat kosong.**

1. kendera saji
2. seimbang
3. kesihatan
4. manusia
5. kebersihan

Halaman 8

**Lengkapkan tempat kosong.**

Nama saya Vijay. Saya suka makan makanan yang mengandungi banyak khasiat. Sejak kecil lagi, saya dididik agar mengambil makanan yang seimbang. Makanan seimbang ialah makanan yang mengandungi karbohidrat, protein, kalsium, garam mineral dan sebagainya. Makanan seperti ini penting untuk tumbesaran dan membina tubuh badan yang kuat. Tubuh yang sihat akan memberikan semangat kepada kita untuk belajar dengan lebih aktif.

Halaman 15

**Lengkapkan petak kosong.**

1. ubat
2. syampu
3. sabun
4. mineral
5. bedak
6. daging
7. otak
8. farmasi

Halaman 23

**Susun perkataan.**

1. Orang baik hatinya bersih.
2. Kebersihan sangat penting dalam kehidupan.
3. Negara maju memerlukan rakyat yang sihat.
4. Kunci kejayaan negara terletak pada ikatan kerjasama.
5. Saya mengutip sampah yang terdapat di tempat awam.



## Tema 2: Keselamatan


Halaman 31

Lengkapkan tempat kosong.

1. dengar
2. berguna
3. meningkatkan
4. berada
5. dijaga
6. datang
7. pulang
8. menyediakan

Halaman 32

Pelan lantai.



Ayat tunggal dan Ayat majmuk.

Ayat Tunggal

1. Sofia mahu menaiki bas
2. Puan Aini mahu menaiki bas.
3. Bas itu berwarna hijau.
4. Bas itu sangat cantik.
5. Rayan menunggang basikal di taman.
6. Haikal menunggang basikal di taman.

Halaman 35

Ayat Majmuk

1. Sofia dan Puan Aini mahu menaiki bas.
2. Bas yang berwarna hijau itu sangat cantik.
3. Rayan dan Haikal menunggang basikal di taman.

### Kata adjektif tersembunyi.

d									k	e	r	u	h	
e		b	e	s	a	r								
r														
a				t	i	n	g	g	i					
s												s		
		l		s	e	d	i	h				u		
l		e										r		
a		b		p	e	n	u	h				u		
j		a										t		
u		t		m	e	n	d	u	n	g				
c	e	t	e	k					r	e	n	d	a	h

Halaman 39

### Soalan pemahaman.

1. Sebelum keluar dari rumah, Encik Raymond dan isterinya memastikan rumah yang ditinggalkan berada dalam keadaan selamat dengan mengunci tingkap dan pintu.
2. Barang-barang berharga harus disimpan di tempat yang selamat.
3. Puan Elina memberitahu kepada jirannya agar jiran dapat menjaga keselamatan rumah sewaktu ketiadaan mereka nanti.
4. Pada pendapat saya, selain jiran kita boleh memaklumkan ketiadaan kita kepada pihak polis.

Halaman 44

### Kenal pasti kata adjektif.

Halaman 46

gembira, meriah, sukar, mudah,  
pantas, berat, elok, lega

### Ganti huruf.

Halaman 47

r	aga	jaga, naga, laga, saga
g	itar	litar
p	arang	larang, sarang, garang
k	erang	perang, terang, serang
m	arah	merah, murah
n	anas	panas,
b	urung	kurung, murung
s	awah	bawah, kawah



## Tema 3: Perpaduan

### Cari maksud perkataan dan frasa.

1. Unik - tersendiri, tidak sama dengan yang lain
2. Harmoni - selaras, seimbang, sepadan, sesuai atau bersesuaian
3. Adat resam - adat yang menjadi kebiasaan kepada sesuatu kaum (daerah dan lain-lain)
4. Semangat perpaduan - keinginan untuk hidup dalam suasana bersatu padu
5. Taraf hidup - tingkat kemewahan hidup
6. Tenteram - tenang
7. Perusahaan kraf tangan - kerja seni yang memerlukan daya cipta atau kemahiran dengan menggunakan tangan
8. Toleransi - hidup dalam suasana aman damai

Halaman 52

### Maksud peribahasa.

1. Melentur buluh biarlah dari rebungunya.  
Hendaklah mengajar atau mendidik anak-anak ketika usianya masih kecil.
2. Yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing.  
Bekerjasama dalam melakukan sesuatu kerja.
3. Muafakat membawa berkat.  
Perkara yang dilakukan secara persetujuan semua pihak akan mendatangkan kebaikan.
4. Bagai aur dengan tebing.  
Tolong-menolong antara satu sama lain.

Halaman 54

### Kenal pasti peribahasa.

1. Muafakat membawa berkat.
2. Yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing.
3. Bagai aur dengan tebing.
4. Melentur buluh biarlah dari rebungunya.

### **Kenal pasti kata adjektif.**

#### **Halaman 55**

- |           |          |              |
|-----------|----------|--------------|
| 1. ceria  | 4. cinta | 7. suka      |
| 2. cergas | 5. kemas | 8. pandai    |
| 3. pintar | 6. asli  | 9. cemerlang |

### **Lengkapkan peribahasa.**

1. Bersatu teguh, **bercerai roboh.**
2. Serumpun bak serai, **sesusun bak sirih.**
3. **Bagai enau dalam belukar,** melepaskan pucuk masing-masing.
4. **Hati gajah sama dilapah,** hati kuman sama dicicah.

#### **Halaman 56**

### **Lengkapkan tempat kosong.**

1. Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah.
2. Bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing.
3. Serumpun bak serai, sesusun bak sirih.
4. Bersatu teguh, bercerai roboh.



### 1. Maksud Tersurat.

- Sukan dapat memupuk perpaduan rakyat berbilang kaum di negara kita.
- Mereka menonton sambil bersorak ketika menonton perlawanan badminton antara Datuk Lee Chong Wei dan musuh tradisinya di gelanggang badminton.
- Sokongan penonton boleh dilihat sewaktu perlawanan persahabatan dan kejohanan yang berprestij.
- Sokongan penonton tanpa mengira kaum boleh dilihat di rumah, tempat kerja, asrama, kampus dan premis makanan.
- Para penonton memberikan ucapan tahniah, sokongan, motivasi dan galakan.
- Sukan bukan sahaja berfungsi sebagai ejen perpaduan malah dapat menyatukan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

### 2. Teknik 5W1H.

- Siapa (*Who*)  
Siapakah yang perlu memupuk perpaduan?
  - Semua golongan masyarakat
- Bagaimana (*How*)  
Bagaimanakah sukan mampu memupuk perpaduan?
  - Dengan menyokong pasukan yang bertanding, semangat kekitaan akan wujud semasa perlawanan berlangsung.
- Apakah (*What*)  
Apakah kesan sekiranya perpaduan tidak wujud?
  - Tiada persefahaman dalam kalangan rakyat.
- Bilakah (*When*)  
Bilakah perpaduan dalam sukan dapat dilihat?
  - Ketika golongan muda menyokong pasukan yang bertanding.
- Di manakah (*Where*)  
Di manakah perpaduan dapat dipupuk?
  - Perpaduan dapat dipupuk di mana-mana sahaja contohnya di stadium, di premis makanan ketika menonton perlawanan badminton dan sebagainya.

**Halaman 60**

**Tanggungjawab sebagai jiran.**

1. Menziarah jiran.
2. Menghubungi ambulans.
3. Menjaga rumah Encik Ismail sewaktu dia dihantar ke hospital.
4. Saling membantu.

**Halaman 61**

**Lengkapkan pantun.**

1. Rambutan seikat di atas peti,
2. Mangga kuini sedap dirasa;
3. Hormat-menghormati tak kira bangsa,
4. Kerja yang sukar menjadi senang.
5. Kuntum melati tumbuh melata, Bunga dahlia dipetik jangan.

**Halaman 62**

**Kenal pasti kata sendi.**

1. pada
2. oleh
3. di
4. dalam
5. untuk
6. akan

**Lengkapkan tempat kosong.**

1. Aktiviti perkhemahan diadakan pada musim cuti sekolah.
2. Perkhemahan selama tiga hari dua malam itu disertai oleh pasukan pengakap.
3. Program perkhemahan itu dijalankan di sebuah tapak perkhemahan.
4. Cikgu Zalina memberikan ucapan tentang keselamatan ketika berkhemah.
5. Antara aktiviti yang dijalankan termasuk pertandingan kawad kaki.
6. Khemah itu diperbuat daripada kanvas.

**Halaman 63**

**Lengkapkan tempat kosong.**

1. semenjak
2. untuk
3. dalam
4. kepada
5. dengan
6. hingga



Halaman 71

**Lengkapkan suku kata.**

1. muafakat
2. kerjasama
3. prihatin
4. peka
5. bantu
6. hormat
7. integrasi
8. harmoni

Halaman 72

**Lengkapkan tempat kosong.**

1. kampung
2. Kampung Mulia
3. Cina
4. Sarawak
5. sekolah
6. juadah
7. menziarahi

**Tema 4: Kebudayaan, Kesenian dan Estetika**

**Peta buih berganda.**

Halaman 81



**Teka silang kata.**

**Melintang**

1. pau
2. jiran
3. budaya
4. sari
5. mengkuang

**Halaman 82**

**Menegak**

6. juadah
7. nasi
8. guli
9. majmuk
10. ziarah

**Pola ayat.**

**FN + FN**

- Tarian Limbai ialah tarian tradisi Bajau Samah.

**FN + FK**

- Penari perempuan akan melambai-lambaikan selendang.

**Halaman 89**

**FN + FA**

- Penari lelaki lebih tinggi daripada penari perempuan.

**FN + FSN**

- Tarian Limbai pernah ke peringkat antarabangsa.



## Tema 5: Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan

### **Kenal pasti bandingan semacam.**

**Halaman 104**

1. adil macam hakim
2. cantik macam bidadari
3. garang macam singa
4. kuat macam Badang
5. angkuh macam merak
6. zalim macam Firaun

### **Bina jenis ayat.**

**Halaman 105**

1. Ayat penyata - Saya bangga menjadi rakan kalian.
2. Ayat tanya - Apakah yang kamu fikirkan?
3. Ayat perintah - Tolong berikan idea.
4. Ayat seru - Amboi, jauhnya kamu berangan-angan!

### **Suaikan bandingan semacam.**

**Halaman 106**

1. pandai macam sang kancil
2. cantik macam bidadari
3. ringan macam kapas
4. kuat macam Badang
5. lambat macam kura-kura
6. harum macam bunga

### **Lengkapkan peribahasa.**

**Halaman 111**

1. Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.
2. Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama.
3. Alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan.
4. Bersatu teguh, bercerai roboh.

**Halaman 113**

**Susun semula perkataan.**

1. Hari Kebangsaan disambut pada 31 Ogos.
2. Jangan sesekali kita melanggar undang-undang negara.
3. Bilakah negara kita merdeka?
4. Kita perlu mempertahankan kemerdekaan negara.
5. Wah, cantiknya bendera yang berkibar itu!

**Soalan pemahaman.**

**Isi tersirat**

**Halaman  
116-117**

1. Maksud semangat patriotik ialah perasaan cinta akan negara yang tidak berbelah-bahagi.
2. Semangat patriotik semakin pudar dalam diri generasi muda kerana hilangnya semangat cinta dan tanggungjawab kepada negara.
3. Semangat patriotik dapat disemai melalui pendidikan dan kesedaran terhadap pentingnya mempertahankan maruah negara.
4. Semangat patriotisme sangat penting kepada negara kerana dengan semangat ini, rakyat akan dapat hidup aman dan harmoni.



## Halaman 120

### Analisis dan betulkan kesalahan perkataan.

Setiap warganegara Malaysia perlu memiliki pasport yang sah jika ingin ke luar negara. Pasport boleh dimohon **dari** Jabatan Imigresen Negara. Hari ini, pasport mempunyai ciri-ciri khusus sebagai langkah keselamatan. Pasport **merupakan** bukti sah taraf kewarganegaraan seseorang, jika ke luar negara. Hal ini bermakna, tanpa pasport seseorang itu boleh dianggap telah melanggar undang-undang sesebuah negara. Oleh sebab itu, kita perlu menjaga pasport dengan baik dan selamat. Pemegang akan didenda jika kehilangan pasport berpunca daripada kecuaiian. Bagi **kehilangan** pasport akibat dicuri, dirompak dan kebakaran, pengecualian akan diberikan jika disertakan laporan polis. Sebagai rakyat yang **bertanggungjawab**, mereka perlu **memiliki** pasport yang sah supaya tidak dikenali sebagai pendatang tanpa izin.

## Halaman 121

### Menyusun suku kata.

1. syukur
2. patriotik
3. rasional
4. semangat
5. berdikari
6. keadilan
7. kebebasan
8. kejujuran
9. keberanian
10. kesederhanaan

## Tema 6: Sains, Teknologi dan Inovasi

### Ayat tunggal dan ayat majmuk.

#### Ayat tunggal

1. Afiq menyertai Karnival Saintis Muda.
2. Jason menyertai Karnival Saintis Muda
3. Kuiz Sains sangat menarik.
4. Aktiviti eksplorasi sangat menarik.
5. Mila berasa gembira.
6. Mila memenangi cabutan bertuah ke Planetarium Negara.

Halaman 127

### Analisis dan betulkan kesalahan perkataan.

#### Ayat majmuk

1. Afiq dan Jason menyertai Karnival Saintis Muda.
2. Kuiz Sains dan aktiviti eksplorasi sangat menarik.
3. Mila berasa gembira kerana memenangi cabutan bertuah ke Planetarium Negara.

### Analisis dan betulkan kesalahan ayat.

Bersempena dengan Minggu Sains, Kelab Sains Sekolah Menengah Kebangsaan Tasik Biru telah menganjurkan pelbagai aktiviti untuk menyemai dan memupuk minat terhadap mata pelajaran Sains dalam kalangan murid. **Antara aktiviti** yang diadakan termasuklah Pertandingan Fotografi. Pertandingan ini terbuka kepada murid kelas peralihan hingga tingkatan lima. Setiap murid dibenarkan menghantar lima **keping** gambar yang diambil menggunakan kamera *Digital Single Lens Reflex (DSLR)*. Tema pertandingan tersebut ialah alam semula jadi.

Selain itu, **pertandingan** kuiz Sains turut diadakan. Kuiz ini diadakan di makmal komputer sekolah. Semua murid dikehendaki menjawab 35 soalan menerusi aplikasi dalam talian.

Aktiviti ini berjaya mewujudkan sikap **berlumba-lumba** dalam mencari dan memahami soalan yang dikemukakan. **Aktiviti-aktiviti lain** yang dijalankan ialah pertandingan **memasang** model, buku skrap paling menarik dan Eskplorasi Saintis Muda. Menerusi **pelbagai** aktiviti yang dijalankan, pihak sekolah berharap aktiviti yang disediakan mampumenarikminatmuriddalammatapelajaransains. **Mana-mana murid** yang menyertai program ini bukan sahaja menerima sijil penyertaan tetapi turut mendapat pengalaman yang sangat berharga.

Halaman 129



Halaman 130

**Teka silang kata**

- |             |             |
|-------------|-------------|
| 1. guru     | 5. jurutera |
| 2. forensik | 6. saintis  |
| 3. farmasi  | 7. doktor   |
| 4. nuklear  | 8. tanah    |

Halaman 135

**Bandingan semacam.**

1. berat macam batu
2. ringan macam kapas
3. mahal macam emas
4. pintar macam kancil
5. pantas macam kilat

**Cerita pendek.**

Nurin dan ibunya telah pergi ke sebuah kedai yang menjual telefon bimbit. Ibu Nurin mahu membeli sebuah telefon bimbit yang ringan macam kapas. Ibu Nurin juga mahu membeli sebuah telefon bimbit yang mempunyai harga berpatutan. Ibu Nurin tidak mahu membeli telefon bimbit yang mahal macam emas. Telefon yang menjadi pilihan ibu Nurin ialah telefon terkini yang pintar macam kancil. Ibu Nurin juga mahu membeli telefon bimbit yang mempunyai capaian yang pantas macam kilat.

Halaman 138

**Lengkapkan tempat kosong.**

- |           |           |
|-----------|-----------|
| 1. berat  | 4. bendul |
| 2. riuh   | 5. mayat  |
| 3. tenang | 6. galah  |

Halaman 142

**Membina perenggan.**

Mohana sangat meminati LEGO dan robot. Dia mahu menyertai Bengkel Aplikasi LEGO 3.0. Bengkel itu dianjurkan oleh Kolej Putera. Mohana mengajak sahabatnya Ayuni menyertai bengkel tersebut. Bengkel tersebut diadakan bermula pukul 8:00 pagi hingga 5:00 petang. Yuran penyertaan adalah sebanyak RM70.00 bagi individu manakala bagi berkumpulan sebanyak RM100.00.

### **Pola ayat.**

#### **Frasa Nama + Frasa Nama**

- Sofia murid Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Bakti.
- Sofia dan rakan-rakannya murid yang rajin.

#### **Frasa Nama + Frasa Kerja**

- Sofia sangat meminati bidang robotik.
- Sofia menyertai bengkel penghasilan robotik.

#### **Frasa Nama + Frasa Sendi Nama**

- Sofia dan pasukannya ke lokasi pertandingan.
- Pertandingan robotik pada pukul 10:00 pagi.

#### **Frasa Nama + Frasa Adjektif**

- Peralatan robot sangat mahal.
- Sofia dan pasukannya gembira kerana berjaya menjadi juara.

**Halaman  
144-145**

### **Menyenaraikan Isi-isi penting.**

1. TITABOS ialah alat pemilih buku berasaskan jadual waktu.
2. Produk ini menggunakan kod berwarna dan alat pengesan warna.
3. Alat ini dihasilkan oleh Aleesya binti Faiz Zuhainie.
4. Kelebihan TITABOS ialah alat ini mempercepat proses pemilihan buku.
5. Alat ini meringankan beban pengguna terutamanya murid sekolah rendah.
6. Alat ini menggunakan tenaga elektrik yang sangat rendah, iaitu pada kadar 5 voltan sahaja.
7. Alat ini tidak menggunakan ruang yang besar dan boleh dipasang pada rak buku yang sedia ada.

**Halaman  
146**



## Tema 7: Alam Sekitar dan Teknologi Hijau

Halaman 154

### Analisis dan betulkan kesalahan ayat.

1. cerah macam siang
2. merdu macam buluh perindu
3. harum macam bunga
4. tenang macam tasik
5. jernih macam cermin
6. hijau macam daun
7. merah macam saga
8. gagah macam Badang


Halaman 155

### Analisis dan betulkan kesalahan ayat.

Subjek	Predikat
Tin minuman	dicat semula supaya kelihatan cantik
Straw minuman terpakai	dijadikan bunga hiasan
Surat khabar lama	dijual kepada pengumpul barangan kitar semula
Kakak	membuat bakul kecil menggunakan kertas terpakai

Halaman 156

### Analisis dan betulkan kesalahan ayat.



### Kenal pasti kesalahan perkataan.

1. Kuala Gula **ialah** tempat persinggahan burung-burung **dari** seluruh dunia.
2. Burung-burung ini akan bersarang, bertelur dan **menetas** di kawasan ini sebelum kembali ke tempat asal mereka (menetas).
3. Semasa saya sampai di Kuala Gula, saya melihat **banyak pokok** bakau di kawasan berpayau.
4. Pada waktu petang, saya berjalan-jalan di tepi pantai sambil memerhati **berbagai-bagai** spesies burung.
5. Terdapat juga calet-calet untuk **para pelancong** yang ingin bermalam di situ.
6. Terdapat juga pelancong dari Australia, **Jepun** dan **Eropah** yang turut bercuti.
7. Jika ada kelapangan **pada** masa akan datang bolehlah **kita** mengunjungi Kuala Gula **bersama-sama**.


Halaman 162

### Susun huruf.

1. Dingin
2. Siulan
3. Nyaman
4. Tenteram
5. Santuari
6. Rekreasi
7. Spesies
8. Indah
9. Binokular
10. Matahari

Halaman 164

### Peta pelbagai alir.



Halaman 166-167

**Halaman 170**

**Kenal pasti kesalahan ayat.**

1. Esok hari (Hari esok)
2. Kelab Pencinta Alam anjurkan (dianjurkan oleh Kelab Pencinta Alam.)
3. pertama kali (kali pertama)
4. Encik Mohan akan menjadi jurupandu pendakian kami?  
(Encik Mohan akan menjadi jurupandu pendakian kami.)
5. apa barangankah (apakah barangan)
6. Lain-lain barang (Barang-barang lain)
7. plastik beg (beg plastik)
8. kurang lebih (lebih kurang)
9. Selain daripada itu, (Selain itu,)

**Halaman 171**

**Permainan menangga kata.**

1. api
2. asap
3. angin
4. alkali
5. akuatik
6. atlantik
7. atmosfera

**Halaman 172**

**Bina perkataan baharu.**

**Tumbuhan**

(buah, tuan, nahu, hantu, ubah, uban, mahu, mutu, bahu, tahu, tahun, tuhan, tumbuh, tauhu)

**Lestari**

(tari, sari, lari, sira, seri, litar)

**Peliharaan**

(ara, era, lara, para, harap)

**Bersih**

(seri, besi, beri, siber)

**Sejahtera**

(atas, tara, rasa, jata, saja, harta, hajat, serah, jahat, teras, tarah, rajah, setara, terjah, sejarah)



## Tema 8: Sains Teknologi dan Inovasi

### Lengkapkan suku kata.

Halaman 180

1. Jujur
2. Positif
3. Berani
4. Bijak
5. Yakin
6. Gigih
7. Tekun
8. Rajin

### Kenal pasti subjek dan predikat.

Halaman 187

Subjek	Predikat
Pasar Karat	popular bagi peminat barangan lama dan barangan antik.
Pasar Karat	beroperasi seawal jam 5:30 pagi.
Pasar Karat	sangat meriah pada hujung minggu.
Barangan lama	dijual dengan harga yang tinggi.
Pakaian itu	masih cantik dan berjenama.
Barangan lama	boleh menjadi sumber pendapatan.

### Menyatakan maksud yang tersurat dan tersirat.

Halaman 190

Isi Tersurat	Isi Tersirat
Catitkan setiap penggunaan wang.	Memastikan perbelanjaan tidak melebihi jumlah wang yang ada.
Membuat perancangan perbelanjaan.	Berbelanja secara berhemat.
Berbelanja secara boros.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Menyebabkan pembaziran</li><li>• Membeli mengikut nafsu.</li></ul>
Membezakan keperluan dan kehendak.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Membeli barangan yang perlu sahaja</li><li>• Membeli barangan untuk tujuan tertentu seperti mengikut gaya terkini dan menunjuk-nunjuk.</li></ul>
Mengamalkan tabiat menabung.	Mendidik sikap berjimat-cermat.
Wang simpanan boleh digunakan ketika kecemasan.	Jika berlaku kemalangan, kita tidak perlu meminjam wang orang lain.

**Kenal pasti kesalahan perkataan.**

Halaman 194

1. banyak ladang-ladang (banyak ladang)
2. kerja sama (kerjasama)
3. dipergunakan (digunakan)
4. disimbah (disiram)
5. jarak (tempoh)
6. merah-kemerahan (kemerah-merahan)
7. terhasil (dihasilkan)
8. dari (daripada)

**Tema 9: Sukan dan Rekreasi**

**Kenal pasti kesalahan perkataan.**

Halaman 210

Sukan lasak merupakan sukan yang kian popular dalam kalangan remaja hari ini. Antara jenis sukan lasak yang digemari oleh rakyat Malaysia ialah rakit redah jeram, kayak, denai kembara dan selaman skuba. Banyak **kebaikan** yang boleh didapati daripada menyertai sukan ini. Antara kebaikannya termasuklah kita akan menjadi lebih kuat dan cergas, mampu **memupuk** semangat kerjasama dalam kumpulan serta dapat menguji kesabaran seseorang. Ketika menjalani aktiviti sukan lasak, pelbagai cabaran akan ditempuh. Oleh sebab itu, seseorang itu perlu mempunyai mental dan fizikal yang kuat untuk mencapai matlamat aktiviti yang dijalankan.

Aktiviti sukan lasak ini juga mampu menyemai semangat **kepimpinan**, kesetiaan dan toleransi. Bakal pemimpin negara khususnya **generasi muda** perlu mempunyai sifat berani menghadapi cabaran dalam usaha memajukan diri sendiri.

Galakan perlu **diberikan** kepada generasi muda agar membabitkan diri dalam aktiviti sukan lasak ini.

**Menjawab soalan pemahaman.**

Halaman 211

s	f	v	h	c	e	r	d	a	s
i	g	h	l	t	w	f	z	m	c
h	a	t	a	z	d	r	y	p	j
a	g	u	h	r	a	t	u	w	a
t	a	o	a	c	m	b	e	l	g
f	h	m	d	u	r	o	w	a	u
g	r	l	a	d	a	o	n	t	h
k	b	a	n	g	g	a	e	i	o
p	a	c	r	e	h	i	j	u	s
m	u	h	i	b	a	h	u	k	t

### Menjawab soalan pemahaman.

#### Soalan isi tersurat:

1. Nyatakan faktor yang menyebabkan pelancong suka datang ke Malaysia.  
Pelancong suka datang ke Malaysia kerana negara ini memiliki keindahan alam semula jadi dan masyarakatnya hidup dalam keadaan aman dan damai.
2. Jelaskan usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk menarik minat pelancong.  
Usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk menarik minat pelancong adalah dengan menambah destinasi pelancongan dan dipromosikan kepada masyarakat luar.

#### Halaman 214

#### Soalan isi tersirat:

1. Apakah maksud "Malaysia Syurga Pelancongan"?  
Malaysia sebagai syurga pelancongan bermaksud Malaysia memiliki daya tarikan daripada aspek pelbagai destinasi pelancongan yang indah, bandar yang selamat dan selesa, pelbagai pilihan makanan yang menyelerakan serta penginapan dan sistem perhubungan yang terbaik.
2. Mengapakah industri pelancongan penting kepada negara kita?  
Industri pelancongan penting kepada negara kita kerana industri ini dapat membantu meningkatkan pendapatan ekonomi negara, di samping mempopularkan seni warisan bangsa ke peringkat antarabangsa.

Setiap orang mempunyai kenangan yang sukar dilupakan. Begitu juga dengan saya. Saya mempunyai kenangan yang sangat **indah**. Kenangan itu adalah ketika saya dan rakan-rakan menyertai satu aktiviti berakit di Sungai Kampar, Perak. Kawasan ini ialah kawasan rekreasi air yang sangat **mencabar** dan jauh daripada kesibukan kota raya.

Pengalaman menaiki rakit yang **dibawa** arus deras sangat menyeronokkan. Ketika rakit meluncur di celah-celah batu, saya dan rakan sentiasa berhati-hati supaya kami selamat.

Air sungainya yang jernih, dingin dan deras itu sangat menguja rasa saya. Kawasan jeram yang cantik **dikelilingi** pokok-pokok dan bunga hutan liar yang segar benar-benar memukau pandangan mata. Di situ juga terdapat air terjun yang landai dan **selamat** untuk mandi-manda.

**Kegembiraan** kami itu sempat saya rakam dalam gambar untuk dikongsikan dengan keluarga. Inilah kenangan indah diri saya yang sukar untuk dilupakan.

#### Halaman 218

### Kenal pasti kesalahan perkataan.

#### Halaman 219

- |                           |                         |
|---------------------------|-------------------------|
| 1. sejuk macam air terjun | 6. bebas macam burung   |
| 2. sombong macam merak    | 7. takut macam tikus    |
| 3. tinggi macam galah     | 8. sibuk macam lebah    |
| 4. berat macam batu       | 9. berani macam harimau |
| 5. rajin macam semut      | 10. besar macam gajah   |



# Skrip QR Code

TEMA 1

SP 1.1.1

## Apa Khabar (Muka surat 2)

Hari ini ialah hari pertama saya berada di sekolah menengah. Hati saya berdebar-debar ketika menjejakkan kaki di kawasan sekolah ini. Namun, saya memberanikan diri kerana saya telah meningkat dewasa. Saya berharap saya akan dapat bertemu dengan guru-guru dan rakan-rakan yang baik.

Pengalaman berada di sekolah menengah tidak sama seperti berada di sekolah rendah. Di sekolah baharu ini saya dapat berkenalan dengan kawan-kawan yang lebih dewasa. Hari ini saya dapat berkenalan dengan rakan-rakan baharu yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Saya berasa gembira kerana dapat bertemu dengan rakan lama yang sama-sama berada di sekolah rendah dahulu.

Pada hari pertama di sekolah menengah, saya telah dibawa oleh guru kelas saya melawat kawasan sekolah. Di situ, saya dapat melihat persekitaran yang serba baharu dan menarik.

Perasaan gembira dan tidak sabar untuk memulakan pembelajaran di sekolah menengah amat sukar saya lupakan.

TEMA 3

SP 1.2.2

## Karnival Perpaduan (Muka surat 50)

Amanda: Selamat petang, boleh saya bercakap dengan Aina?

Ibu Aina: Aina tiada di rumah. Boleh mak cik tahu siapa yang sedang bercakap di sana?

Amanda: Maafkan saya, mak cik. Saya Amanda, kawan Aina.

Ibu Aina: Oh, Amanda rupanya! Apakah yang mak cik boleh bantu?

Amanda: Saya mahu mengajak Aina pergi menyaksikan Karnival Hari Perpaduan di bandar, esok. Bolehkah mak cik sampaikan pesanan kepada Aina?

Ibu Aina: Apakah pesanan itu?

Amanda: Mak cik tolong sampaikan kepada Aina bahawa karnival tersebut akan bermula pada pukul 9:00 pagi. Kami perlu bertolak pada pukul 8:30 pagi.

Ibu Aina: Bagaimanakah kamu berdua hendak pergi ke sana?

Amanda: Bapa saya akan menghantar kami. Minta Aina membawa bendera dan berpakaian kebangsaan ya, mak cik.

Ibu Aina: Baik, nanti mak cik akan sampaikan pesanan kamu kepada Aina.

Amanda: Terima kasih, mak cik.

Ibu Aina: Sama-sama. Esok kamu berdua jaga diri baik-baik.

Amanda: Baik, mak cik. Kami akan berhati-hati.

TEMA 3  
SP 1.2.2

**Pohon Perpaduan** (Muka surat 57)

Yang Berusaha Encik Badrul bin Muhammad, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Jaya, Puan Munirah binti Omar, Penolong Kanan Pentadiran, guru-guru dan murid-murid yang dikasihi sekalian. Selaku guru bertugas pada minggu ini, saya ingin menyampaikan info mengenai sambutan Bulan Kebangsaan yang bakal diadakan di sekolah kita pada bulan hadapan. Pelbagai aktiviti telah diatur oleh pihak sekolah. Majlis pelancaran sambutan Bulan Kebangsaan ini akan dilakukan oleh Encik Zainudin bin Ahmad, selaku Yang Dipertua PIBG sekolah kita. Antara aktiviti yang akan dijalankan ialah perarakan hari kebangsaan, pertandingan mendeklamasikan sajak, kelas paling patriotik, bina model bangunan bersejarah, larian merdeka dan tayangan filem bertemakan kemerdekaan. Sebagai persediaan menyambut hari kebangsaan, setiap kelas dikehendaki menyertai pertandingan kelas paling patriotik. Oleh sebab itu, semua murid perlu melakukan persiapan dengan menghias kelas masing-masing. Hadiah akan disediakan kepada semua pemenang. Murid-murid boleh mendapatkan maklumat mengenai semua aktiviti yang saya sebutkan tadi melalui guru kelas masing-masing. Semoga aktiviti ini akan dapat memupuk perasaan cinta akan negara dalam kalangan murid. Sekian, terima kasih.

TEMA 6  
SP 1.4.1

**Bijak Alam Maya** (Muka surat 131)

Selamat pagi dan salam sejahtera.

Yang dihormati pengerusi majlis, Yang Berusaha Encik Borhan bin Abdullah, Pengetua SMK Taman Permai, barisan pentadbir, guru-guru serta murid-murid sekalian. Terima kasih diucapkan kepada pihak sekolah yang sudi mengundang saya bagi menyampaikan ceramah yang bertajuk “Media sosial mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan.”

Hadirin yang dihormati,

Penggunaan laman sosial melalui internet amat popular di negara kita. Laman sosial seperti “Facebook”, “Twitter”, Instagram dan sebagainya mendapat perhatian masyarakat khususnya golongan remaja. Rangkaian sosial tersebut telah menjadi satu trend dalam kehidupan masyarakat masa kini. Secara tidak langsung, penggunaan laman sosial ini telah memberikan pengaruh yang besar dalam kehidupan kita.

Media sosial menjadi wadah penghubung sesama manusia. Menerusi media sosial, masyarakat dapat berhubung dan berkomunikasi antara satu sama lain. Tidak kira di mana kita berada, media sosial berperanan sebagai satu medium untuk para pengguna berhubung dan berinteraksi dengan ahli keluarga dan rakan-rakan yang jauh. Bagi tujuan pendidikan pula, banyak pembelajaran interaktif telah diwujudkan dengan menggunakan media sosial. Pembelajaran dua hala bukanlah mustahil bagi tujuan memperoleh ilmu pengetahuan. Secara tidak langsung, media sosial memberi kemudahan bagi murid-murid mendapatkan ilmu pengetahuan.

Murid-murid yang dikasihi,

Sejak akhir-akhir ini, perniagaan dalam talian amat popular di negara kita. Hal ini membuktikan bahawa, media sosial memberi faedah yang besar dalam dunia perniagaan. Ternyata penggunaan media sosial secara bijak sudah tentu membawa pulangan yang lumayan khususnya kepada para peniaga. Selain itu, murid-murid juga berpeluang membaca dan mengetahui isu-isu semasa yang berlaku di seluruh dunia. Kita tidak lagi menjadi seperti katak di bawah tempurung kerana mampu mendapatkan maklumat hanya di hujung jari. Walaupun ada pendapat yang menyatakan bahawa media sosial merupakan medium berbentuk hiburan semata-mata, para pengguna harus berfikir dengan bijak untuk menggunakan kemudahan yang disediakan agar tidak lalai dan terleka.

Kesimpulannya, penggunaan laman sosial pasti memberi pengaruh yang besar dalam kehidupan. Berfikirlah dengan bijak agar penggunaan media sosial tidak disusuli dengan gejala negatif yang boleh memberi impak dalam kehidupan anda. Sekian, terima kasih.

TEMA 7

SP 1.2.1

**Hijaukan Sekolah Kita (Muka surat 150-151)**

### **Pertandingan Terarium**

Selamat pagi kawan-kawan.

Saya ingin menyampaikan pengumuman ringkas tentang pertandingan terrarium yang akan diadakan pada 12 hingga 25 September 20□□. Pertandingan ini terbuka kepada semua kelas dari kelas peralihan hingga tingkatan lima. Syarat-syarat pertandingan ini ialah:

1. Terarium yang dihasilkan hendaklah menggunakan balang kaca atau akuarium yang sesuai.
2. Pokok-pokok hiasan yang digunakan hendaklah pokok-pokok hiasan kecil dan berwarna hijau.
3. Penggunaan bahan-bahan kitar semula amatlah digalakkan.
4. Setiap kelas mestilah mewujudkan sudut info tentang pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.
5. Bahan-bahan yang digunakan untuk pertandingan ini hendaklah sesuai dan selamat digunakan.

Penyertaan hendaklah dihantar kepada Cikgu Indra pada atau sebelum 30 Ogos 20□□. Marilah kita menyertai pertandingan ini. Hadiahnya sangat lumayan.



## TEMA 8

### SP 1.6.1

#### **Menjana Pendapatan (Muka surat 189)**

##### **Hotel Si Manja**

- Swee Meng: Hello, selamat pagi.  
Hotel Si Manja: Selamat pagi, Hotel Si Manja di sini. Apakah yang boleh saya bantu?  
Swee Meng: Saya Swee Meng. Bolehkah saya mendapatkan perkhidmatan penjagaan kucing peliharaan saya selama tiga hari di syarikat ini?  
Hotel Si Manja: Oh, boleh. Tiada masalah. Bilakah cik memerlukan perkhidmatan kami?  
Swee Meng: Saya memerlukan perkhidmatan penjagaan kucing saya pada hari Isnin sehingga hari Rabu ini. Saya mahu kucing saya diberi penjagaan harian selama tiga hari, makanan dan mandian kucing.  
Hotel Si Manja: Baiklah, jika begitu saya akan mencatatkan perkhidmatan yang cik perlukan. Caj perkhidmatan adalah sebanyak RM138.00.  
Swee Meng: Baiklah. Saya akan menjelaskan bayaran tersebut pada hari esok.  
Hotel Si Manja: Baiklah. Terima kasih kerana memilih perkhidmatan syarikat kami.  
Swee Meng: Sama-sama.

## TEMA 9

### SP 1.1.1

#### **Norliyana Kamaruddin: Atlet Harapan Negara (Muka surat 198)**

Norliyana Kamaruddin merupakan atlet negara yang berjaya mengukir sejarah tersendiri. Hal ini demikian kerana, beliau telah dapat memecahkan rekod yang berusia 36 tahun milik Datuk Zaiton Othman dalam acara heptatlon. Pengalaman Norliyana Kamaruddin itu telah menjadi kenangan terindah buat dirinya.

Beliau yang ditemui selepas pertandingan mengakui, tidak menyangka sama sekali mampu memecahkan rekod kebangsaan dalam acara itu, selepas menamatkan saingan pada kedudukan pertama dengan himpunan 5247 mata.

Rekod lama milik Zaiton Othman ialah 5175 mata yang dicipta di kejohanan Sukan SEA Manila pada tahun 1981.

Tanpa meletakkan sebarang harapan, Norliyana Kamaruddin berjaya memberikan persembahan terbaik pada kejohanan Kuala Lumpur pada tahun 2019. Beliau begitu menyerlah dalam acara lompat tinggi, lompat jauh dan lari 200 meter apabila muncul juara dalam acara itu.

Atlet berusia 26 tahun ini, akan terus berusaha kembali demi memartabatkan sukan heptatlon di negara ini.

Dengan ini, **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baiknya dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

**Skim Pinjaman Buku Teks**

**Sekolah** \_\_\_\_\_

Tahun	Tingkatan	Nama Penerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: \_\_\_\_\_

Tarikh Penerimaan: \_\_\_\_\_

**BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL**



RM30.00

ISBN 978-983-49-2518-5



9 789834 925185